



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PEKERJAAN  
KOD KURSUS : DSM2133  
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2022  
MASA : 3 JAM

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: **BAHAGIAN A (40 Markah)**  
**BAHAGIAN B (20 Markah)**  
**BAHAGIAN C (40 Markah)**
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 13 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan objektif.

1. Berikut merupakan kriteria kontrak untuk perkhidmatan kecuali

- A kontrak untuk perkhidmatan merupakan status kontrak bebas.
- B tiada peruntukan undang-undang memerlukan bayaran kepada kontraktor bebas.
- C penamatan bagi kontrak untuk perkhidmatan boleh dituntut di Mahkamah Perindustrian.
- D bayaran melalui invois pembayaran mengikut tempoh masa tertentu boleh dilakukan dalam kontrak untuk perkhidmatan.

2.

Persetujuan :

Dengan ini saya, Nur Kamilia Binti Zainal, no K/P, 930404-12-0000 bersetuju dengan terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak majikan. Sekiranya saya melanggar salah satu daripada terma dan syarat di atas, pihak majikan boleh mengambil tindakan atas diri saya.

Yang benar,

*Nur Kamilia*

**Petikan 1**

Petikan 1 di atas merupakan persetujuan pekerja terhadap terma dan syarat kontrak perkhidmatan. Pada pandangan anda, apakah kepentingan pihak majikan dan pekerja untuk menandatangani suatu kontrak perkhidmatan?

- A Untuk membela nasib kedua-dua belah pihak.
- B Untuk memastikan kedua-dua belah pihak berpuas hati.
- C Untuk memastikan tidak berlakunya sebarang pertikaian antara keduadua belah pihak.
- D Untuk melindungi kedua-dua belah pihak daripada di aniaya tanpa alasan yang kukuh oleh sebelah pihak lagi.

3. Manakah antara berikut merupakan perkara yang terkandung di dalam terma dan syarat dalam kontrak perkhidmatan?
- Cuti bersalin.
  - Deskripsi kerja.
  - Waktu bekerja.
  - Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).
- A i dan ii.  
B i, ii dan iii.  
C ii,iii dan iv.  
D Semua di atas.
4. Jika majikan di Syarikat Jufy's Sdn. Bhd. membayar upah pekerja pada setiap 26 hari bulan, bilakah tempoh terakhir tarikh bayaran upah bulan Oktober 2022?
- 31 Oktober 2022.
  - 1 November 2022.
  - 2 November 2022.
  - 7 November 2022.

5. Apakah perbezaan di antara cuti sakit dan cuti bersalin bagi pekerja perempuan yang mengandung?

	Cuti sakit	Cuti bersalin
A	Cuti sakit tertakluk dibawah seksyen 37, Akta Kerja, 1955.	Cuti bersalin tertakluk dibawah seksyen 40, Akta Kerja 1955.
B	Memaklumkan kepada majikan mengenai cuti sakit berbayar dalam tempoh 48 jam dari bermulanya cuti sakit.	Memaklumkan kepada majikannya berkenaan cuti bersalin pada hari tarikh bermulanya cuti bersalin.
C	Pekerja yang telah berkhidmat lebih daripada 5 tahun layak untuk mendapat cuti sakit sebanyak 60 hari.	Pekerja Wanita mestilah telah diambil bekerja oleh majikan pada bila-bila masa dalam tempoh 4 bulan sebelum bersalin dan layak mendapat cuti bersalin dalam tempoh 60 hari.
D	Pekerja yang kurang bekerja daripada tempoh 1 tahun tidak layak mendapat cuti sakit.	Pekerja mestilah mempunyai lima atau kurang daripada lima orang anak yang masih hidup layak mendapat cuti bersalin.

6. Berikut adalah benar tentang prinsip audi alternam partem kecuali
- A keputusan kes perlu diberitahu.
  - B hak merayu untuk meringankan beban.
  - C tertuduh boleh merayu tidak dihukum 2 kali.
  - D tertuduh tidak boleh diberi peluang untuk mempertahankan kes.
7. Encik Yunus telah dituduh melakukan salah laku kerana merokok di kawasan larangan. Apakah tindakan Pengurus Sumber Manusia dalam kes ini?
- A Memotong gaji pekerja.
  - B Menjalankan siasatan dalaman.
  - C Melaporkan kepada jabatan majikan.
  - D Melaporkan kepada Kesatuan Sekerja.

8.

- Memberhentikan pekerja tanpa notis
- Menurunkan jawatan pekerja
- Penggantungan kerja tanpa gaji

Pernyataan 1

Pernyataan 1 merujuk kepada

- A Seksyen 13 (3) Akta Kerja 1955.
- B Seksyen 14 (1) Akta Kerja 1955.
- C Seksyen 15 (1) Akta Kerja 1955.
- D Seksyen 16 (1) Akta Kerja 1955.

9. Pilih pernyataan yang benar mengenai salah laku provokasi

- A Faisal melakukan rasuah tanpa prejudis.
- B Faisal mencuri wang syarikat tanpa disedari oleh pengurusnya.
- C Faisal bertengkar dengan pengurus lalu menampar wajahnya.
- D Faisal menjalinkan hubungan dengan pengurusnya secara peribadi.

10. Encik Zamani merupakan orang yang bertanggungjawab menutup tangki gas di tempat beliau bekerja. Malangnya, pada suatu hari, Encik Zamani hendak cepat pulang ke rumah dan tidak menutup rapat tangki gas itu dan menyebabkan gas bocor dan berlaku letupan di tempat kerja beliau. Apakah tindakan yang boleh dikenakan oleh majikan terhadap Encik Zamani?

- i. Memberi amaran.
- ii. Menuntut ganti rugi.
- iii. Memecat Encik Zamani.
- iv. Menggantung kerja selama 14 hari.

- A i dan ii
- B i, ii dan iii
- C ii,iii dan iv
- D Semua di atas

11.

- Memecat pekerja tanpa notis.
- Menurunkan pangkat pekerja.
- Mengenakan hukuman ringan bersifat adil.
- Menguntungkan pekerja.

**Pernyataan 2**

Pernyataan 2 merujuk kepada

- A Penyiasatan.
- B Hukuman disiplin.
- C Siasatan dalaman.
- D Prinsip keadilan asasi

12. Manakah antara berikut merupakan perbezaan di antara lebihan (redundancy) dan pengurangan tenaga kerja (retrenchment)?

- A *Retrenchment* berlaku akibat dari kehilangan upaya pekerja manakala *redundancy* berlaku kerana lebihan pekerja.
- B *Retrenchment* berlaku akibat daripada salah laku pekerja manakala *redundancy* berlaku disebabkan oleh krisis ekonomi.
- C *Redundancy* berlaku disebabkan oleh lebihan pekerja manakala *retrenchment* berlaku disebabkan oleh krisis ekonomi.
- D *Redundancy* berlaku disebabkan oleh pekerja tidak boleh meneruskan kerjanya manakala *retrenchment* berlaku kerana kontrak ditamatkan oleh sebab-sebab tertentu.

13.

KUALA LUMPUR: Sistem Insuran Pekerja (SIP) merekodkan seramai 99,696 pekerja diberhentikan atas pelbagai sebab antara Januari hingga 27 November lalu. Antara sebab itu ialah penutupan perniagaan, pengecilan tenaga kerja, Skim Pemisahan Sukarela (VSS), Skim pemberhentian Kerja dengan Persetujuan Bersama (MSS), syarikat mengalami masalah kewangan kritikal, penutupan separa, pengambilalihan dan penempatan semula syarikat.

*Petikan: Berita Harian Online, 3 Disember 2020*

### Petikan 2

Petikan 2 merujuk kepada


- A penamatkan kontrak tanpa notis.
- B penamatkan kontrak dengan notis.
- C *layoff / Pemberhentian sementara.*
- D *retrenchment / pengurangan tenaga kerja.*

14. Pilih situasi yang benar di antara Skim Keilatan dengan Skim Bencana Pekerjaan.

	Skim Keilatan	Skim Bencana Pekerjaan
A	Doktor telah mengesahkan Encik Zali mengalami kelumpuhan dan tidak boleh diubati akibat daripada jatuh daripada tangga.	Cik Arifah mengalami kemalangan semasa pergi makan pada waktu rehat.
B	Faedah pengurusan mayat sebanyak RM2500.00 akan diberikan kepada waris Encik Zali sekiranya beliau meninggal dunia.	Faedah pengurusan mayat sebanyak RM2000.00 akan diberikan kepada waris Cik Arifah sekiranya beliau meninggal dunia.
C	Encik Zali telah hilang sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada keupayaan pekerja yang normal.	Cik Arifah disahkan oleh doktor mengalami kelumpuhan kerana tergelincir di bilik air semasa menjalankan kerja-kerja pembersihan.
D	Encik Zali telah hilang pendengaran akibat daripada paras tekanan bunyi yang tinggi semasa melakukan pekerjaan.	Cik Arifah telah menghidapi penyakit asma akibat terhadu habuk dan bahan kimia yang merbahaya.

15.

**Skim Bencana Pekerjaan**



Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1, R merujuk

- A penyakit khidmat.
- B kemalangan di tempat kerja.
- C kemalangan kecuaian pekerja.
- D kemalangan yang tidak sengaja

16. Encik Ibrahim merupakan seorang pemandu teksi di Daerah Kulai. Beliau telah membuat caruman bulanan di PERKESO. Semasa dalam perjalanan pulang ke rumah, beliau telah mengalami kemalangan yang mengakibatkan cedera parah di bahagian tulang belakang. Doktor mengesahkan bahawa beliau mengalami lumpuh dan hilang upaya kekal. Apakah skim perlindungan PERKESO yang boleh dituntut oleh Encik Ibrahim?

- A Skim Keilatan.
- B Skim Bencana Kerja.
- C Skim Insurans Pekerjaan.
- D Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri.

17. Puan Hafsa telah menamatkan perkhidmatannya di Syarikat Tusyen Sdn. Bhd. kerana dilantik sebagai guru di Jabatan Pendidikan Daerah Mersing. Beliau ingin memohon untuk membuat pengeluaran caruman KWSP. Apakah syarat-syarat kelayakan Puan Hafsa sebagai pekerja sektor awam?
- A Umur 60 tahun.  
B Umur atas 55 tahun.  
C Di beri taraf berpencen oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).  
D Tidak diberi taraf berpencen oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
18. Kirakan potongan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk Cik Amalina jika kadar upah bulanannya adalah sebayak RM3500.00.
- A RM385.00  
B RM420.00  
C RM455.00  
D RM465.00
19. Berapa peratuskah caruman potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang akan dicarumkan oleh majikan jika upah pekerja sebanyak RM6000.00?
- A 9%  
B 11%  
C 12%  
D 13%

20. Apakah perbezaan di antara bidang kuasa Mahkamah Buruh dengan Mahkamah Perindustrian?

	Mahkamah Buruh	Mahkamah Perindustrian
i.	Terletak bawah bidang kuasa Jabatan Tenaga Kerja Malaysia berdasarkan (Seksyen 69) Akta Pekerjaan 1955.	Membicarakan dan membuat keputusan mengenai kes buruh seiring dengan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dengan rujukan Kementerian Sumber Manusia.
ii.	Pekerja yang upahnya melebihi RM2000 tetapi tidak melebihi RM5000.	Pekerja yang upahnya melebihi RM5000.
iii.	Kes perlu difaillkan dalam tempoh 60 hari dari tarikh perbicaraan.	Permohonan perlu difaillkan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh "Award" Mahkamah Perusahaan.
iv.	Kes boleh yang dibicarakan adalah pembuangan pekerja yang tidak adil.	Kes yang boleh dibicarakan adalah pelanggaran kontrak antara majikan dengan Kesatuan Sekerja.

- A i dan ii
- B i, ii dan iii
- C ii,iii dan iv
- D Semua di atas

[40 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Jelaskan perlindungan cuti bersalin di bawah Akta Kerja 1955. Jawapan anda hendaklah menunjukkan kepada seksyen yang berkenaan.

(6 markah)

- b. Apakah terma dan syarat berkenaan dengan cuti sakit Akta Kerja 1955?

(4 markah)

**SOALAN 2**

- a. Terangkan jenis-jenis gangguan seksual di tempat kerja.

(6 markah)

- b. Bagaimanakah cara-cara untuk menangani masalah gangguan seksual di tempat?

(4 markah)

**[20 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab semua soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

**SOALAN 1**

Ani telah menandatangani kontrak perkhidmatan. Beliau ingin mengetahui tentang upah, bonus, elaun, ganjaran dan gratuity. Nasihatkan Ani mengenai terma dan syarat tersebut.

(8 markah)

**SOALAN 2**

Terangkan kategori salah laku pekerja yang boleh menyebabkan ketidakharmonian hubungan di antara pekerja dan majikan.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Mr. Danish merupakan seorang pekerja di Syarikat Oil and Gas Sdn. Bhd. telah mengalami hilang upaya kekal disebabkan oleh kemalangan di tempat kerja. Mr. Danish telah memohon bantuan di bawah skim perlindungan PERKESO untuk meringankan beban beliau untuk menyara kehidupan keluarga. Apakah faedah yang boleh diperoleh oleh Mr. Danish di bawah skim perlindungan tersebut?

(12 markah)

**SOALAN 4**

Pindaan Akta kerja 2022 akan dikuatkuasa bermula 1 Januari 2023. Berdasarkan pengetahuan anda, apakah fungsi Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)?

(10 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

